



Memo

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD**

Kepada : Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPS/UPSM/A/0047
Tarikh : 3 April 2012

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 11 TAHUN 2012**

**KEMUDAHAN CUTI PENDEK DAN PERATURAN MENGENAI KEBENARAN
MENINGGALKAN PEJABAT DALAM WAKTU BEKERJA**

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas serta Kenyataan UPSM Bil.8 Tahun 2012.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga ke-73 yang telah bersidang pada 30 Mac 2012 meluluskan cadangan menerima pakai Kertas Edaran JPA (SARAAN) (S) 1619 Klt. 16 (7) bertarikh 9 Disember 2009 – Peraturan Mengenai Kebenaran Untuk Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Bekerja Di Bawah Perintah Am 5 Bab G – Mematuhi Waktu Bekerja tetapi dengan pindaan seperti berikut :

- i - Kemudahan cuti pendek boleh dipohon minimum satu (1) jam dan maksimum sehingga empat (4) jam sehari
- ii - Jumlah cuti akan ditolak satu (1) hari cuti rehat apabila jumlah terkumpul cuti pendek bersamaan 8 jam

3. Dengan keputusan ini, kemudahan cuti pagi dan cuti petang dimansuhkan.

4. Pelaksanaan kemudahan cuti pendek dan Peraturan Mengenai Kebenaran Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Bekerja berkuat kuasa mulai tarikh kenyataan ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

(ROSNA BINTI ABD RAZAK)

s.k.: Y. Bhg. Datuk Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian